

MAHATHIR - CHINA

(I)

DARIPADA ZAINOOR SULAIMAN

OSLO, 24 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI
1985
INI MENGINGATKAN BAHAWA CHINA BOLEH MENJADI ANCAMAN KEPADA
NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA JIKA IA MENJADI KUAT DARIPADA SEGI
KETENTERAAN.

MALAYSIA DAN BEBERAPA BUAH NEGARA LAIN DI RANTAU ITU KHUATIR
BAHAWA CHINA MUNGKIN MELUASKAN PENGARUHNYA KE SELATAN SETELAH
MEMPEROLEHI KEKUATAN KETENTERAAN EKORAN PROSES PERMODENAN YANG
DILAKSANAKAN SEKARANG, KATANYA.

KETIKA BERCAKAP DALAM SIDANG AKHBAR DI SINI PERDANA MENTERI
BERKATA BAHAWA SEBELUM INI PUN, CHINA SENTIASA MENJADI ANCAMAN
KEPADA NEGARA-NEGARA SEPERTI MALAYSIA.

+PADA MASA LALU KAMI MEMBERI UFTI KEPADA CHINA PADA TIAP-TIAP
TAHUN,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI KAMPUCHEA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA
MALAYSIA DAN RAKAN-RAKNNYA DALAM ASEAN AKAN MENERUSKAN USAHA UNTUK
MENDAPATKAN PENYELESAIAN POLITIK WALAUPUN IA AKAN MENGAMBIL MASA 100
TAHUN. -- LAGI.

1522MST 24 04 85

MAHATHIR - CHINA 2 OSLO

(I)

+KAMI SEDANG BERUSAHA SEBERAPA DAYA UNTUK MENGHASILKAN SATU
PENYELESAIAN POLITIK DI KAMPUCHEA SUPAYA RAKYATNYA DAPAT MENENTUKAN
SENDIRI CORAK KERAJAAN YANG DIINGINI OLEH MEREKA.+

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK MENYOKONG PENGEMBALIAN
KUASA KEPADA REJIM POL POT DAN BELIAU YAKIN RAKYAT KAMPUCHEA TIDAK
AKAN MEMILIH KHMER ROUGE DALAM PILIHANRAYA BEBAS DI BAWAH PENGAWASAN
BANGSA-BANGSA BERSATU.

MEREKA BOLEH MEMILIH REJIM HENG SAMRIN JIKA MEREKA MAHU TETAPI
BELIAU BERKATA ADA KEMUNGKINAN BESAR MEREKA MEMILIH SEBUAH KERAJAAN
DEMOKRATIK DI BAWAH PIMPINAN PUTERA NORODOM SIHANOUK -- PRESIDEN
KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA.

MENGENAI PERLUCUTAN SENJATA, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA
PENYELESAIAN MELALUI RUNDINGAN ANTARA KEDUA-DUA KUASA BESAR --
AMERIKA SYARIKAT DAN SOVIET UNION -- DIPERLUKAN UNTUK MENAMATKAN
PERLUMBAAN SENJATA.

BERIBU-RIBU JUTA DOLAR TELAH DIBELANJAKAN BAGI PERSENJATAAN DAN
PENGELUARAN SENJATA BARU YANG SOFIFTIKATED SEDANGKAN WANG ITU BOLEH
DIGUNAKAN UNTUK MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DAN PENDERITAAN TERUTAMA DI
DUNIA KETIGA. -- LAGI.

1539MST 24 04 85

U 140

U B957 AAB

MAHATHIR - CHINA 3 OSLO

(I)

PENJUALAN SENJATA KEPADA NEGARA-NEGARA YANG BERMUSUHAN TELAH MEMORAK-PERANDAKAN SELURUH STRUKTUR EKONOMI, KATANYA.

MENGENAI LAWATANNYA KE SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA TUGASNYA YANG UTAMA IALAH MENINGKATKAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN UNTUK FAEDAH BERSAMA.

MALAYSIA DENGAN BAHAN MENTAHNYA YANG BANYAK, TENAGA BURUH YANG BAIK DAN IKLIM POLITIK YANG STABIL MEMBERIKAN ASAS YANG KUKUH KEPADA PARA PELABUR ASING UNTUK MENUBUHKAN INDUSTRI MEREKA.

NORWAY MEMPUNYAI KEPAKARAN DALAM INDUSTRI YANG BERASASKAN KAYU, ELEKTRONIK DAN ELEKTRIK, KATANYA.

MEREKA BOLEH MENUBUHKAN KILANG-KILANG MEREKA DI MALAYSIA UNTUK MENGELUARKAN BARANGAN BAGI EKSPORT KE NEGARA-NEGARA LAIN DI RANTAU ASIA TENGGARA, CHINA, JEPUN DAN AUSTRALIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG KINI DALAM LAWATAN TIGA HARI, PAGI INI BERLEPAS DARI SINI KE STANGER, 500 KM DARI SINI UNTUK MELAWAT SYARIKAT MINYAK MILIK NEGARA +STATOIL+ YANG BERIBU PEJABAT DI DUSAVIKA. -- LAGI.

1600MST 24 04 85

MAHATHIR - CHINA 4 OSLO

(I)

NORWAY MULA MENGELUARKAN MINYAK DAN GAS DARI PELANTAR BENUANYA DI LAUT UTARA DALAM AWAL 70-AN DENGAN MENGELUARKAN 0.3 JUTA TAN PERSAMAAN MINYAK DALAM TAHUN 1971 DAN MENINGKAT 55 JUTA TAN DALAM 1983.

PENGELUARAN DIJANGKA MENJADI 70 JUTA TAN MENJELANG AKHIR 80-AN. SEMUA GAS YANG DIKELUARKAN DAN SEBAHAGIAN BESAR MINYAKNYA DIEKSPORT MELALUI SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA.

HASIL PENGELUARAN DARI LAPANGAN-LAPANGAN MINYAK NORWAY DI LAUT UTARA DIHANTAR MELALUI PAIP KE JERMAN BARAT DAN UNITED KINGDOM. -- BERNAMA.

1607MST 24 04 85